


Naratif visual pelukis diplomat Dato Sofry Abdul Ghaffor



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

VB 18.8.2019 B2

SENI adalah keperluan manusia walaupun mempunyai kemewahan material tanpa seni kehidupan seseorang tidak akan sempurna kerana jiwa manusia memerlukan pengisian pengalaman estetika bagi mengimbangkan sensitiviti dan juga persepsi individu.

Oleh sebab itu Dato Sofry Abdul Ghaffor seorang mantan diplomat merasakan bahawa seni sebagai pemangkin kepada kebahagiaan kehidupan seseorang, bermula pada zaman mudanya beliau seorang pelajar pintar dalam jurusan sains dan matematik, walaupun pencapaian yang tinggi semasa sekolah namun di sanubarinya tersemat minat dan bakat yang cenderung kepada seni lukisan yang sangat kuat.

Walaupun bagaimanapun minat melukis yang tertanam sejak kecil lagi dalam terpaksa dipendamkan kerana pencapaian mata pelajaran sains dan matematik lebih menonjol semasa di bangku sekolah oleh sebab itu peluang mengasah bakat seni terpaksa diketepikan dahulu lebih lagi pada masa itu anggapan umum bahawa seni lukis bukan untuk pelajar yang cerdas.

Dengan pencapaian akademik yang sangat baik pada tahun 1981, beliau berjaya melanjutkan pelajaran ke United Kingdom di University East

Anglia, Norwich dalam bidang Development Study pada tahun 1981. Namun begitu minat seni yang tertanam di hati beliau tetap membara umpama api dalam sekam justeru walaupun tidak menghasilkan karya, kecenderungan untuk mendekati karya seni lukis tidak di lenyap kan begitu sahaja setiap masa dan setiap peluang yang ada beliau berkunjung ke galeri dan muzium seni tidak pernah di lepaskan.

Galeri seni yang terkenal di bumi Ingeris itu telah selalu dikunjungi beliau bagi melepaskan rindu terhadap karya seni seperti Tate Modern, National Portrait Gallery dan sebagainya menjadi agenda lawatan setiap kali berkunjung ke London semasa menjadi mahasiswa di-sana.

Sekembalinya ke tanah air beliau telah memegang beberapa jawatan tinggi kerajaan dan akhirnya beliau telah bertugas di Kementerian Luar Negara Brunei Darussalam. Semasa berkhidmat di Kementerian Luar beliau juga tidak melepaskan berkunjung ke beberapa buah galeri yang terkenal di merata dunia apabila ada tugas yang di jalankan di negara-negara tersebut.

Menurut pemerhatian



LAKARAN DAKWAT BAITUL MAQUADDIS

beliau yang di sampaikan kepada penulis terdapat dua buah galeri yang di negara asing yang memukau beliau umpamanya Muzium Mindanao City dan Tehran Museum of Contemporary Art, negara Iran.

Kekaguman beliau terhadap muzium tersebut di bandingkan dengan galeri tersohor di dunia seperti The Louvre, Paris dan Museum of Modern Art (MOMA) New York kerana kegigihan penduduk tempatan serta para seniman mereka walaupun mengalami peperangan dan tekanan namun karya seni yang tinggi mutunya tetap di hasilkan dan di pameran.

Menurut beliau manusia tetap berkarya dan menjadi kreatif walaupun dalam keadaan yang tidak selesa. Seterusnya pada tahun 1991 beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana di Australian National University, Canberra dengan mendapat Ijazah Sarjana dalam Hubungan Antarabangsa.

Tidak berapa lama bertugas di Kementerian Luar beliau telah di lantik sebagai duta dan wakil tetap Negara Brunei Ke Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu, di New York.

Di bandar raya metropolis New York rangsangan seni memanggil beliau sekali lagi untuk mengasah bakat yang sekian lama terpendam. Selepas bertugas di pejabat dan juga masa terluang di hujung minggu beliau mengikuti kelas dan bengkel melukis yang banyak terdapat di bandar tersebut.

Di bawah didikan pensyarah terkenal beliau mendapat beberapa nasihat yang berguna diamalkan beliau sehingga kini umpamanya dalam berkarya seni lukis tidak ada yang betul dan juga yang salah yang penting seniman harus menghasilkan karya dan persembahkan kepada khalayak untuk di hayati.


Jika di teliti Kebanyakan karya Dato Sofry adalah berbentuk lukisan dalam konteks Plein -aire serta lakaran di lokasi. Mengikut lumrahnya karya Plein aire sangat mencabar kerana mempunyai tekanan tersendiri berdasarkan elemen perubahan cuaca, gangguan serangga dan juga manusia terhadap konsentrasi seorang pelukis.

Oleh sebab itu beberapa karya lakaran dan lukisan dakwat yang dihasilkan oleh beliau melihatkan gerakan garisan cepat secara spontan dalam gaya ekspresionis seperti mirip karya Honore Daumier sebagai contoh karya bertajuk Baitul Maquaddis, Pemandangan Sebatang Jalan Di Dhaka, Bangladesh memberikan ujian dalam bentuk gangguan yang kuat kepada pelukis namun beliau berjaya menghasilkan gaya karya yang mantap dan bertenaga memandangkan beliau berjaya merakamkan pergerakan yang laju

KENANGAN: Pelukis bersama Dato Sofry Abdul Ghaffor.



JALAN DI DHAKA, BANGLADESH



(Atas) BRUNEI MISSION NEW YORK

(Bawah) TIMES SQUARE NEW YORK

dengan tepat.

Semasa menghayati pameran Art of Travel di Galeri Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan, Brunei penulis terpegun dengan kerana kebanyakan karya yang di peraga berjaya membawa khalayak menjelajah setiap pelosok negara di dunia dengan imejan serta gambaran melalui karya Dato Sofry Abdul Ghaffor.

Karya yang berbentuk naratif visual ini bukan sahaja merakamkan keindahan mercu-tanda dan landskap dari kaca mata seorang pelukis berpengalaman malah keunikan karya yang di pameran berjaya menyuntik unsur kewartawanan dengan kejadian yang di lapor secara spontan melalui lukisan, lakaran dan sketsa tanpa menggunakan kamera atau pun telephone bimbit yang popular seperti hari ini.

Terdapat jua beberapa karya dalam pameran ini yang dilukis di dalam studio namun gaya ekspresionis begitu jelas melalui sapuan berus dan juga palitan pisau pallet yang memukau perhatian khalayak umpamanya karya catan minyak Street Car Named Melbourne.

Karya yang bertajuk seakan filem klasik Hollywood A street Car Named Desire salah sebuah filem kegemaran penulis lakonan Marlon Brando ini dilihat dari mata burung di mana tram dan bangunan berwarna panas seperti jingga, perang dan kuning direntaskan dengan garisan

putih silang menyilang di permukaan lukisan menyemarakkan karya secara dinamik, satu kekuatan yang terhasil dari pemerhatian kreatif pelukis.

Dato Sofry sebagai seorang pelukis yang prolifik telah banyak membuat pameran dalam negara dan juga luar negara umpamanya pada 2015. Visual Art For ASEAN di Bangkok, Thailand, pada 2019 Sojourn in Melbourne sebagai penyebab beberapa pameran sehingga kini beliau banyak menyertai pesta dan perkampungan seni di luar negara umpamanya India, Bangladesh, dan

sebagainya.

Jelas sekali walaupun sudah bersara dari perkhidmatan kerajaan namun menghasilkan karya dan berpameran menjadi keutamaan beliau di samping itu beliau juga membantu pelukis muda tempatan dalam usaha mempertingkatkan mutu karya anak tempatan melalui kepimpinan sebagai presiden Brunei Art Forum.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****

PENULIS: Di Galeri Dermaga Diraja Brunei.

